



KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor/syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Kod Bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya bagi menyertai Sebutharga seperti berikut:

Bil	No. Sebutharga	Butir Tawaran	Kod Bidang	Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Sebutharga
1.	IDFR/BPK/(S)/17/2014	Kerja-kerja Penyelenggaraan Gelanggang Tenis dan Menjadikan Dwi-fungsi sebagai Gelanggang Futsal di IDFR	030501	11 Ogos 2014 (Isnin), 10.30 Pagi (WAJIB HADIR)	15 Ogos 2014 (Jumaat), 12.00 Tengahari

2. Sekiranya kontraktor/syarikat tempatan berminat untuk menyertai Sebutharga ini, sila kembalikan Borang Sebutharga beserta dengan salinan dokumen berikut:
- Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan beserta kod bidang 030501;
 - Sijil Akaun Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (sekiranya ada) dari Kementerian Kewangan;
 - Sijil Pendaftaran CIDB (jika ada);
 - Profil Syarikat;
 - Cadangan penyediaan (lukisan kejuruteraan) dan bahan yang digunakan;
 - Penyata Akaun Bank Syarikat terkini;
 - Sijil lawatan tapak (diberikan selepas taklimat); dan
 - Cop Rasmi Syarikat (untuk pengesahan mengambil borang sebutharga).
3. Borang Sebutharga boleh diperolehi daripada Urus setia Sebutharga selepas taklimat dan lawatan tapak bermula pada **11 Ogos 2014 (Isnin) jam 10.30 pagi** di alamat berikut:

**Seksyen Pentadbiran
Aras 9, Blok C
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)
Kementerian Luar Negeri, Jalan Wisma Putra
50460 Kuala Lumpur.**

4. Borang Sebutharga dan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilakri dengan ditulis Nombor Sebutharga dan diserahkan kepada urusetia seperti mana alamat di atas, sebelum atau pada **15 Ogos 2014 (Jumaat) jam 12.00 tengahari**. Borang Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
5. Sebarang pertanyaan berkaitan tawaran sebutharga ini boleh diajukan kepada urusetia:
- Encik Mohamad Fairuz Omar /fairuz@idfr.gov.my/03-2149 1099**
 - Encik Amirul Khairi Mustafa Bakri/amirul@idfr.gov.my/03-2149 2039**

Sekian, terima kasih.

(NIK MUHD HASBI NIK DAUD)
Timbalan Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat
Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)
Tel: 03-2149 1010; Faks: 03-2144 2529
Email:hasbi@idfr.gov.my